

**RAMLI Dollah**  
**EKO PRAYITNO Joko**  
Universiti Malaysia Sabah

## **DASAR ‘MEMAKMURKAN JIRAN’ DAN PENGLIBATAN MALAYSIA DALAM PROSES KEAMANAN DI SELATAN FILIPINA**

### **‘PROSPER THY NEIGHBOUR’ POLICY AND MALAYSIA INVOLVEMENT IN THE SOUTHERN PHILIPPINES PEACE PROCESS**

*Sejak tamatnya Perang Dingin, negara-negara di rantau Asia Tenggara menjadi prioriti utama dalam dasar luar Malaysia. Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan bahawa faktor kedekatan merupakan sebab utama Malaysia meletakkan rantau ini sebagai salah satu daripada prioriti utama negara. Dengan kata lain, masalah yang berlaku di negara ini jika tidak diselesaikan akan secara tidak langsung memberikan implikasi keselamatan, ekonomi dan politik jangka panjang kepada Malaysia. Menyedari akan masalah yang berlaku di negara-negara jiran ini menyebabkan Malaysia sangat menekankan kepada polisi memakmurkan jiran, satu polisi yang bertujuan untuk mencapai keadaan situasi menang-menang di antara negara jiran dan Malaysia. Oleh itu, dengan menggunakan kes hubungan Malaysia-Filipina, makalah ini melihat penglibatan Malaysia dalam proses keamanan di antara Manila dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) di selatan Filipina mempunyai kesan langsung kepada kepentingan dan perkiraan keselamatan negara. Dalam hal ini, isu yang paling mendesak yang membawa kepada penglibatan Malaysia di wilayah bergolak ini adalah bertujuan untuk memastikan agar konflik yang membawa banyak masalah kepada Malaysia ini, misalnya isu pendatang dan pelarian Filipina dan masalah penculikan oleh Abu Sayaf di negeri Sabah yang telah berlanjutan untuk beberapa tahun akan dapat diselesaikan apabila proses keamanan ini dicapai kelak. Intipati ini merupakan asas kepada dasar memakmurkan jiran yang diamalkan oleh Malaysia dan penglibatan negara dalam proses keamanan yang berlangsung di selatan Filipina.*

**Kata kunci:** Mahathir, Malaysia, Selatan Filipina, Manila, Konflik, Memakmurkan Jiran, Bangsamoro, Sabah

*Since the end of the Cold War, Southeast Asian countries has been ranked as a main priority in Malaysia's foreign policy. In this respect, it is undeniable that the geographical proximity has played as a*

*key role in explaining Malaysia's attitude towards these countries. In other words, problems in these countries, if not improved will indirectly affect Malaysia's security, economic and political in the long run. Recognising the problems in neighboring countries have led Malaysia to emphasis the prosper-thy-neighbor policy, a policy that aims to achieve a win-win situation between neighboring countries and Malaysia. Therefore, employing the case of Malaysia-Philippines relations, this paper argues that the Malaysia's involvement in the peace process between Manila and the Moro Islamic Liberation Front (MILF) in the southern Philippines has much to do with the Malaysia's national interests and security calculation. In this regard, the most pressing issues for Malaysia is to ensure that the conflict in this volatile region will not spill over into Malaysia's territory. It is hoped that the issue of migrants and refugees from the Philippines and the kidnapping issue by Abu Sayyaf in Malaysia's territory that has lasted for many years will be resolved when the peace is achieved. This is the essence to prosper thy neighbor policy adopted by Malaysia in relation to the ongoing peace process in the southern Philippines.*

**Keywords:** Mahathir, Malaysia, Southern Philippines, Manila, Conflict, Prosper thy Neighbour, Bangsamoro, Sabah

## **Pengenalan**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kestabilan politik, pembangunan ekonomi yang pesat dan sosial budaya yang harmoni. Kejayaan yang dikecapi oleh Malaysia menjadikannya sebagai *role model* kepada negara-negara sedang membangun khususnya negara-negara jiran yang kebanyakannya dihimpit dengan masalah ketidakstabilan politik, ekonomi dan sosial. Oleh sebab itu, Malaysia telah berusaha mengukuhkan kedudukannya melalui mekanisma dasar luarnya yang mencerminkan pencapaian dan juga kejayaan pentadbiran Malaysia itu sendiri. Salah satu pilihan dasar luar yang diamalkan oleh Malaysia adalah dasar *prosper thy neighbours* yang diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad pada pertengahan tahun 1990-an. Dasar ini bertujuan mewujudkan persekitaran serantau yang aman dan harmoni bagi membolehkan Malaysia mencapai matlamatnya tanpa gangguan dan ancaman daripada luar. Perkara ini jelas diperlihatkan melalui dasar Malaysia ke atas isu yang berlaku di selatan Filipina. Dasar luar Malaysia dalam isu ini bersifat dinamik dan bergantung kepada perubahan kepimpinan serta keadaan persekitaran politik dan ekonomi global. Pada peringkat awal, Malaysia mengamalkan dasar campur tangan secara langsung melalui tindakan Malaysia yang dikatakan menyediakan pusat latihan kepada pejuang Bangsamoro yang berpusat di

Sabah dan turut menjadi perantara dalam menyalurkan bantuan kewangan dari negara-negara Timur Tengah. Namun, selari dengan perubahan antarabangsa terutamanya pasca Perang Dingin iaitu pada tahun-tahun 1990an dan tekanan domestik, Malaysia mula mengubah strategi daripada membantu pejuang pemisah ini kepada prinsip memakmurkan jiran (*prosper thy neighbour*) dalam mendepani masalah yang berlaku di selatan Filipina ini.

Untuk tujuan tersebut, artikel ini berhujah bahawa keterlibatan Malaysia dalam konflik di selatan Filipina ini adalah kerana ia melihat bahawa keselamatan negara adalah amat bergantung kepada keselamatan negara lain. Oleh itu, hanya dengan mewujudkan keamanan di selatan Filipina, Malaysia mampu untuk mewujudkan kestabilan di negara. Bagi memudahkan perbincangan, artikel ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian. Pertama, menjelaskan konsep *prosper thy neighbour* dalam dasar luar Malaysia; kedua, melihat latar belakang hubungan Malaysia-Filipina; ketiga, meninjau latarbelakang konflik di selatan Filipina; keempat, meneliti peranan Malaysia dalam penyelesaian konflik di selatan Filipina; kelima, meneliti perjanjian Keamanan MILF-Manila 2014 dan akhir sekali kesimpulan.

### **Konsep *Prosper thy neighbour***

Salah satu daripada elemen penting dalam pilihan dasar luar Malaysia adalah berkaitan dengan polisi *prosper thy neighbour*. Melalui dasar ini, Malaysia mengharapkan akan dapat mewujudkan situasi menang-menang antara Malaysia dan negara jiran. Keadaan ini jelas dinyatakan oleh Wisma Putra yang menyebut bahawa:

*“As a trading nation, we advocate a multilateral rule-based global trading system which would promote and safeguard the interests of all countries, whether developed or developing, in a fair and equitable manner. In this respect, Malaysia has long advocated the economic principle of ‘prosper-thy-neighbor’ and not ‘beggar-thy-neighbor’. We believe that the global economic infrastructure should be that ‘prosperity will beget prosperity’.”*<sup>1</sup>

Konsep *prosper thy neighbour* merupakan lanjutan konsep Keselamatan Bersama (*common security*)<sup>2</sup> yang diperkenalkan dalam kerangka pemikiran Barat pada tahun 1980-an semasa kemuncak Perang Dingin.<sup>3</sup> Dalam kajian keselamatan khususnya, pendekatan *common security* melihat bahawa sistem antarabangsa yang bersifat anarki dan peningkatan senjata nuklear yang berterusan mampu mengundang masalah yang besar kepada keselamatan. Oleh sebab itu, tidak menghairankan sekiranya konsep ini turut dikenali sebagai *“cooperation among adversaries”* di mana ia berusaha untuk mewujudkan regim keselamatan bagi menjamin kepentingan bersama dalam kalangan

negara di peringkat antarabangsa. Regim keselamatan ini merujuk kepada prinsip, peraturan dan norma-norma yang perlu dipatuhi oleh setiap negara misalnya persetujuan kepada Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa (UNCLOS) atau perlucutan senjata nuklear.<sup>4</sup> Di samping itu, konsep ini juga menganggap bahawa keselamatan bagi sesebuah negara amat bergantung kepada keselamatan negara jiran. Namun, jika konsep *common security* ini lebih cenderung kepada menjelaskan fenomena persaingan dan kerjasama dalam kalangan kuasa-kuasa besar, maka konsep “*prosper-thy-neighbor*” pula merupakan satu pendekatan yang cuba menjelaskan pendekatan oleh negara yang mempunyai jiran yang secara relatifnya mempunyai masalah ekonomi dan politik.

Pengoperasian konsep ini mengandaikan bahawa sekiranya sesebuah negara jiran tidak selamat, maka negara jiran lain juga akan menerima kesan dan tempias akibat daripada kestabilan negara tersebut. Hal ini merupakan isu penting yang sering diangkat dalam membincangkan berkenaan keselamatan negara, terutamanya apabila kedudukan geografi sesebuah negara yang dikelilingi oleh negara-negara yang mempunyai masalah ekonomi, politik dan sebagainya. Bertepatan dengan idea tersebut, maka polisi *prosper thy neighbour* merupakan kaedah yang lebih spesifik dalam menjelaskan hubungan Malaysia dengan negara jirannya.

Polisi ini yang diperkenalkan pada pertengahan tahun 1990an semasa berlakunya era keajaiban ekonomi Asia. Dalam hal ini, Malaysia melihat bahawa kestabilan yang dikecapi sepanjang tempoh ini hanya akan dapat diteruskan sekiranya Malaysia mampu memastikan kestabilan negara jirannya yang rata-ratanya berhadapan masalah politik dan ekonomi. Dalam hal ini, Mahathir menghujahkan bahawa konsep *prosper thy neighbour* merupakan dasar yang mampu mewujudkan kestabilan berpanjangan di rantau ini. Menurut beliau lagi, konsep ini berkait dengan,

*“...about win-win-win strategies, about the multitude of opportunities in Asia for everyone... I would like to explain again that it simply means if you help your neighbor to prosper you will prosper along with it. When countries are prosperous they become more stable and their people need not emigrate to your country. Instead their prosperity provides you with a market for your goods, with opportunities to invest and to enrich yourself even as you create jobs and wealth for them”.*<sup>5</sup>

Mahathir juga berhujah bahawa negara-negara jiran yang menghadapi masalah ini akan menimbulkan masalah bukan sahaja kepada negara terbabit, tetapi juga kepada jirannya, termasuk Malaysia. Oleh sebab itu, sekiranya masalah sesebuah negara tidak dibendung, potensi untuk masalah tersebut

merebak ke negara jirannya adalah tinggi. Keadaan ini secara tidak langsung akan mengancam keharmonian dan keamanan negara jirannya. Dengan mengambil Jepun sebagai negara contoh, Mahathir menjelaskan bagaimana konsep *prosper thy neighbour* diaplikasikan dalam hubungan Malaysia-Jepun yang akhirnya menyumbang kepada keamanan dan menguntungkan kedua-dua buah negara. Perkara ini amat bertentangan dengan prinsip *begger thy neighbour* yang menurut beliau:

*“Everyone gains from ‘prosper-thy-neighbor’ policies while only one side gains from ‘beggar-thy-neighbor’ mindsets ... The old mindset can be summarized by the term zero sum game. You win if others lose, you prosper at the expense of other’s impoverishment”.*<sup>6</sup>

Oleh itu, Mahathir melihat bahawa kemakmuran yang dicapai oleh Malaysia ini akan dapat diteruskan sekiranya konsep *prosper thy neighbour* dapat diaplikasikan dalam hubungannya dengan negara jiran. Bagi beliau, keselamatan negara lain adalah keselamatan Malaysia dan ketidakstabilan di negara jiran akan mengundang masalah yang besar kepada Malaysia. Beliau seterusnya mengkritik pendekatan Barat dalam menangani isu ketidakstabilan serantau dengan menyatakan:

*“We will not act in concert against the rest of the world. We are not ethnically related as are the Europeans. We come in various colours and shades, practising different religions, speaking different tongues and with very different cultures. We will always disagree with each other, possibly fight against one another leaving us little time to confront others from Europe. You have nothing to fear from the prosperity and well-being of the Asians. You have everything to gain, for our prosperity will contribute to your prosperity and the prosperity of the rest of the world. So think of Asian opportunities and seize them”.*<sup>7</sup>

Mahathir juga pernah memberikan amaran kepada Barat bahawa rantau tersebut akan menghadapi masalah sekiranya tiada sebarang usaha diambil untuk mengatasi masalah yang wujud di negara-negara lain. Beliau mengakui bahawa hanya dengan polisi ini sahaja mampu untuk menyelesaikan masalah seperti migrasi secara besar-besaran ke negara Barat.

*“Rich nations would suffer from the spillover effects of unstable and impoverished neighbors... the universal prosper-thy-neighbor policy would keep such problems at bay... When you beggar others, their problems will spill over into your country. And among the problems will be mass migration into your country”*.<sup>8</sup>

Berdasarkan hakikat ini, Malaysia yang secara relatifnya merupakan sebuah negara yang stabil berbanding dengan negara jiran sanggup melakukan apa sahaj bagi memastikan polisi *prosper thy neighbour* dapat diaplikasikan dalam hubungan dengan jirannya. Penglibatan Malaysia dalam banyak konflik di rantau ini juga sebenarnya merupakan lanjutan daripada semangat *prosper thy neighbour* ini. Dasar yang diperkenalkan pada tahun-tahun awal 1990an ini sehingga kini masih menjadi asas utama kepada dasar luar Malaysia, terutamanya dalam hubungannya dengan negara jiran. Oleh sebab itu, tidak menghairankan apabila pada tahun 2008, Mahathir kembali menekankan tentang pentingnya pengaplikasian polisi ini dalam memastikan keharmonian hubungan antara negara di Asia Tenggara.

*“Asians believed that promoting a prosper-thy-neighbour policy would help to reduce problems from coming into their own countries”*.<sup>9</sup>

Maka dengan itu, semasa era pentadbiran Mahathir, beliau mencadangkan agar polisi ini diaplikasikan dalam dasar luar Malaysia yang bertujuan membangunkan Malaysia dan negara-negara jirannya secara bersama.<sup>10</sup> Malahan, beliau sekali lagi menjelaskan wujudnya perbezaan di antara konsep ini dengan dasar *begger thy neighbour* yang dianjurkan oleh Barat dalam hubungan luar mereka.<sup>11</sup> Semasa merasmikan *Global Muslim Conference* pada tahun 2013, beliau kembali menekankan tentang pentingnya prinsip ini dilaksanakan dalam hubungan negara-negara Islam bagi mencapai kestabilan ekonomi dan seterusnya menyumbang kepada keamanan serantau. Menurut beliau,

*“If, as Muslim nations, we aid the success of our neighbours, we have a share in the prosperity they achieve... Do not resort to ‘beggar thy neighbour’ for your own gains ... Muslims have an obligation to defend the ummah”*.<sup>12</sup>

Dalam konteks konflik di selatan Filipina yang telah berlangsung sejak sekian lama, perjuangan Bangsamoro turut membawa implikasi yang buruk terhadap kestabilan dan keamanan Malaysia. Ternyata konflik yang berlaku bukan sahaja mencetuskan ketegangan politik dan diplomatik di antara Malaysia dengan Filipina, tetapi juga ia memberi impak besar kepada kehidupan sosial penduduk Malaysia, terutamanya di negeri Sabah apabila berlakunya kebanjiran pelarian dan pendatang asing Filipina ke negeri Sabah. Kehadiran mereka ini dengan jumlah yang besar dianggap sebagai salah satu faktor yang membawa kepada peningkatan masalah sosial dalam kalangan rakyat Malaysia. Malahan berlakunya insiden serangan oleh sekumpulan militia bersenjata yang dikenali sebagai *Royal Sulu Army* (RSA) ke atas Lahad Datu, Sabah pada 2013 turut dikaitkan dengan masalah ketidakstabilan di negara terbabit. Faktor-faktor tersebut akhirnya mendorong Malaysia mengubah dasarnya dalam mewujudkan keamanan di selatan Filipina. Perubahan dasar ini semakin ketara pada tahun-tahun 1990an apabila kehadiran pendatang asing dan pelarian Filipina di negeri Sabah dilihat semakin dirasai oleh penduduk di negeri ini. Oleh itu, jelas bahawa pada peringkat awal penentangan Bangsamoro ke atas Manila ini, Malaysia dilihat cenderung berpihak kepada perjuangan bersenjata Bangsamoro kerana kebimbangan tuntutan Filipina ke atas Sabah di samping wujudnya insiden Corregidor yang dilihat sebagai usaha Manila untuk mewujudkan ketidakstabilan di negeri Sabah. Namun, sejak tahun-tahun awal 1990an, Malaysia berusaha membawa kedua-dua belah pihak ke meja rundingan dengan harapan perdamaian yang dicapai kelak turut menguntungkan Malaysia dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

Namun perlu juga ditekankan bahawa, dasar memakmurkan jiran yang dijalankan oleh Malaysia ini juga dikomplementasi dengan elemen-elemen lain, sama ada faktor dalaman atau luaran yang ingin diproyeksikan dalam dasar luar Malaysia. Antara elemen utama tersebut adalah seperti semangat ASEAN, isu Islam, pendekatan kesederhanaan dan beberapa pendekatan yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam perbincangan di bawah. Ini bermakna adunan elemen-elemen tersebut akhirnya mewujudkan satu dasar luar yang holistik dalam memahami pengoperasian konsep dasar memakmurkan jiran Malaysia di selatan Filipina.

## Latarbelakang Hubungan Malaysia-Filipina

Hubungan Malaysia-Filipina diwarnai dengan kepelbagaian isu. Antara isu utama adalah seperti isu tuntutan Filipina ke atas Sabah, isu Spratly, isu kehadiran pendatang dan pekerja Filipina di Sabah dan beberapa isu lain. Hasilnya, tidak banyak kajian yang dijalankan dalam melihat hubungan Malaysia-Filipina. Malahan, kajian-kajian yang wujud hanya tertumpu kepada isu yang disebutkan di atas iaitu isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dan reaksi pemimpin Malaysia<sup>13</sup>; isu keselamatan dan kerjasama Malaysia-Filipina<sup>14</sup> dan isu pelarian dan pendatang Filipina.<sup>15</sup> Berdasarkan kepada pemerhatian penulis, masih kurang kajian yang cuba melihat bagaimana dasar Malaysia dalam mendepani masalah yang terdapat di negara jiran. Salah satu kajian penting mengenai hal ini telah dijalankan oleh Wan Shawaluddin dan Zaini Othman yang menggunakan konsep “*weak state*” cuba untuk menjelaskan bagaimana ketidakstabilan negara jiran ini memberikan kesan besar kepada ketidakstabilan di negara Malaysia.<sup>16</sup> Lanjutan daripada itu, kajian ini cuba untuk melihat bagaimana dasar memakmurkan jiran ini penting dalam memahami penglibatan Malaysia dalam proses keamanan yang berlaku di selatan Filipina sejak tahun 1990an.

Dalam hal ini dapatlah dikatakan bahawa hubungan Malaysia-Filipina terjalin di pelbagai peringkat. Selain dari hubungan antara pemimpin di peringkat tertinggi, kedua-dua negara juga mempunyai hubungan bilateral seperti *Joint Commission Meeting* (JCM) bagi menguruskan beberapa isu berkait dalam hubungan kedua-dua buah negara. Selain itu, kerjasama melalui *the Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP) iaitu bantuan teknikal luar oleh kerajaan Malaysia di mana ia telah menerima lebih kurang 985 orang perwakilan dari negara Filipina sejak kursus ini diadakan pada tahun 1980.

Dalam bidang keselamatan, hubungan kedua-dua negara ini terjalin agak baik. Ini dapat dilihat apabila berlakunya beberapa insiden yang melibatkan kepentingan kedua-dua negara misalnya penculikan oleh Abu Sayaff pada tahun 2000 menyaksikan kerjasama erat Malaysia-Filipina dalam menangani masalah ini. Salah satu operasi yang dijalankan oleh Malaysia dikenali sebagai “Operasi Pasir” yang dimulakan pada 18 September 2000 manakala di pihak Filipina, tugas pengawasan wilayah perairan diberikan kepada Tentera Laut Filipina, terutama Angkatan Laut Mindanao Barat (*Naval Forces Western Mindanao-NAVFORWEM*). Tindakan yang dilakukan disempurnakan lagi dengan mengadakan pengawasan aktiviti pelanunan melalui latihan bersama,



koordinasi Angkatan Udara kedua-dua buah negara dan Jawatankuasa Rondaan Sempadan (*Border Patrol Committee Group-BPCG*). Pada bulan April 2003, kedua-dua buah negara telah mengadakan mesyuarat ke 10 "*Malaysia-Philippines Border Patrol Coordination Group Meeting*" bagi membincangkan isu berkaitan dengan pembaharuan SOP (*Standard Operational Procedures*), membanteras aktiviti pelanunan, penyeludupan, pendatang haram dan aktiviti perikanan secara haram.<sup>17</sup>

Kedua-dua buah negara juga mempunyai kerjasama rapat melalui "*Philippines-Malaysia Border Coordination*" dan "*Malaysia-Philippines Defence Coordination*". Melalui kerjasama ini, kedua-dua pihak berusaha meningkatkan kerjasama latihan bersama dan rondaan terkoordinasi. Di pihak Malaysia, aktiviti dan operasi yang dilakukan termasuklah tanggungjawab HQ COMNAV 2 (Angkatan Tentera Bersama 2) yang mempunyai hubungan terus dengan Pemerintah Tentera Laut Filipina Selatan (*Philippines Navy Southern Command - PNSC*) di Zamboanga, Mindanao bagi mendapatkan maklumat perisikan (*intelligence*). Keefektifan kerjasama ini terbukti apabila berlakunya serangan Abu Sayaf ke atas pulau Pandanan menyaksikan PNSC telah memaklumkan kepada COMNAV 2 dalam masa dua jam sebelum berlakunya insiden tersebut. Keadaan ini membolehkan HQ COMNAV 2 dengan segera memberi amaran kepada pasukan keselamatan Malaysia dan seterusnya menghantar pasukan mereka sebelum kumpulan penculik Abu Sayaf masuk ke sempadan Malaysia.<sup>18</sup>

Dalam sektor ekonomi, hubungan dagangan kedua-dua buah negara banyak dipengaruhi oleh isu-isu yang telah disebutkan. Oleh sebab itu, turun naik jumlah perdagangan antara kedua-dua buah negara amat bergantung kepada isu-isu yang berlaku. Import negeri Sabah (Malaysia) ke Filipina pada tahun 1964 misalnya adalah berjumlah RM6.5 juta. Namun, angka ini menurun pada tahun-tahun berikutnya, misalnya pada tahun 1965 jumlahnya hanyalah RM4.7 juta, RM2.1 juta pada tahun 1966 dan jatuh menjunam kepada RM708 ribu pada tahun 1968. Hal yang sama turut berlaku kepada export Malaysia ke Filipina yang menyaksikan pada tahun 1964 jumlah export Malaysia adalah sebanyak RM28.7 juta meningkat kepada RM42.1 juta pada tahun 1965, tetapi menjunam kepada RM2.6 juta pada tahun 1968.<sup>19</sup> Dari aspek barangan import Malaysia ke Filipina pula menunjukkan pada tahun 1967 berjumlah US\$352 ribu manakala pada tahun 1968 jumlahnya hanyalah sebanyak US\$742 ribu, US\$683 ribu pada tahun 1969, US\$836 ribu pada tahun 1970 dan US\$1,505 ribu pada tahun 1971. Hal yang sama turut berlaku kepada export Malaysia ke

Filipina. Pada hari ini, Filipina menjadi rakan dagang kelima terbesar Malaysia dalam kalangan Negara ASEAN dengan jumlah perdagangan yang dicatatkan pada tahun 2012 adalah sebanyak RM15.28 bilion (US\$4.94 bilion).<sup>20</sup>

Salah satu daripada isu utama yang seringkali merencatkan hubungan ekonomi antara kedua-dua buah negara adalah berkaitan dengan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Secara amnya, tuntutan tersebut banyak berkait dengan faktor sejarah, namun, sepanjang tahun 1946-1962, tidak terdapat sebarang usaha untuk menuntut Sabah sehinggalah Diosdado Macapagal yang ketika itu bertindak sebagai ketua bahagian perundangan di Jabatan Luar Negara menyatakan bahawa terdapat alasan kukuh untuk menuntut Sabah. Tuntutan ini menjadi kenyataan apabila pada bulan Jun 1962, Manila memaklumkan kepada kerajaan British tentang niat Manila untuk menuntut wilayah terbabit. Seterusnya, apabila Persekutuan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963, Manila enggan memberikan pengiktirafan kepada Malaysia dan seterusnya bertindak menurunkan status perwakilannya di Kuala Lumpur ke tahap Konsular.<sup>21</sup> Namun, beberapa usaha telah dilakukan untuk menjalin semula hubungan antara kedua-dua belah pihak sehinggalah hubungan diplomatik disambung semula pada bulan Jun 1966.<sup>22</sup> Walau bagaimanapun, isu Sabah sekali lagi menjadi isu besar antara tahun 1968 hingga tahun 1969 akibat berlakunya insiden Corregidor yang membawa kepada masalah hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara.<sup>23</sup>

Pada masa yang sama, Malaysia juga terlibat aktif dalam usaha keamanan yang berlaku di selatan Filipina. Malahan, Malaysia sejak awal lagi telah bertindak memainkan peranan penting dalam menangani masalah yang berlaku di selatan Filipina kerana memberikan kesan yang besar kepada keselamatan Malaysia, khususnya di Sabah. Oleh itu, tidak menghairankan apabila pada tahun 1970, Tunku Abdul Rahman memainkan peranan penting dalam memperjuangkan nasib Bangsamoro. Tunku yang merupakan Setiausaha Agung kepada Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) pada ketika itu bersetuju membawa isu perjuangan Bangsamoro di selatan Filipina sebagai isu utama OIC pada tahun 1972. Beliau kemudiannya meminta Raja Faisal (Arab Saudi) dan Presiden Libya, Muammar Gaddafi agar memujuk ahli-ahli OIC lain untuk menyokong perjuangan mereka.<sup>24</sup>

Hasilnya pada Persidangan Menteri-Menteri Luar OIC yang ketiga di Jeddah pada 1972, Libya mengusulkan masalah Bangsamoro dibincangkan dalam persidangan OIC kelak dan menerima Resolusi No. 12 yang menegaskan keprihatinan OIC terhadap isu terbabit.<sup>25</sup> Tunku pula dikehendaki mengadakan

hubungan dengan Manila untuk memulakan proses rundingan. Pada ketika ini, Libya menjadi pendukung kuat Bangsa Moro melalui MNLF dengan memberikan bantuan kewangan dan latihan ketenteraan di negara tersebut. Menjelang tahun 1973, apabila Persidangan Menteri-Menteri Luar Negeri OIC keempat diadakan di Benghazi, Libya sekali lagi mengangkat persoalan Bangsamoro sebagai salah satu isu utama yang menyaksikan terbentuknya Jawatankuasa Empat yang terdiri daripada lima Menteri Luar OIC yang melibatkan negara-negara seperti Libya, Arab Saudi, Senegal, Afghanistan dan Somalia.<sup>26</sup> Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk mengadakan rundingan dengan pihak Manila berkenaan konflik di selatan Filipina. Resolusi yang diambil menandakan kemenangan di pihak MNLF kerana buat pertama kalinya hubungan yang bakal diambil menyebutkan perlunya hubungan setaraf diwujudkan antara kedua-dua pihak berkonflik.

Dalam hal ini, OIC pada awalnya mendesak kerajaan Filipina agar menghentikan operasi ketenteraan terhadap Bangsamoro dan mengadakan rundingan dengan MNLF. Oleh itu, semasa Persidangan Kelima Menteri-Menteri Luar OIC di Kuala Lumpur pada tahun 1974, satu resolusi telah dikeluarkan mendesak Manila menghentikan pembunuhan terhadap Bangsamoro.<sup>27</sup> Resolusi ini juga secara jelas menyatakan bahawa tindakan yang diambil Manila tidak cukup untuk menyelesaikan konflik yang timbul dan mendesak Manila untuk menemukan penyelesaian konflik secara damai melalui perundingan agar dapat mewujudkan kedaulatan Bangsa Filipina. Walau bagaimanapun, kerajaan Filipina telah menolak resolusi ini kerana dilihat lebih menguntungkan MNLF.<sup>28</sup>

Namun, kedua-dua pihak beranggapan konflik yang berlanjutan akan memberi kesan yang lebih besar sekiranya tidak ditangani lebih awal kerana telah mengorbankan hampir 50,000 nyawa. Dengan itu, pada bulan Ogos 1976, telah diadakan dua kali pertemuan antara Presiden Marcos, wakil kerajaan Libya serta Jawatankuasa Empat di Zamboanga dan Malacanang, Filipina untuk membincangkan isu tersebut. Tindakan ini disusuli pertemuan antara wanita pertama Filipina, Imelda Marcos dengan pemimpin tertinggi Libya, Gaddafi bagi membincangkan pelan damai di selatan Filipina.<sup>29</sup> Seterusnya pada Disember, wakil Manila dan MNLF bertemu di Tripoli, Libya di bawah kendalian OIC. Akhirnya, termeterailah Perjanjian Tripoli 1976 diantara Manila-MNLF yang bertujuan untuk menamatkan konflik di wilayah tersebut.<sup>30</sup> Perjanjian ini telah menghasilkan dua resolusi penting dalam perjuangan MNLF iaitu pemberian pemerintahan autonomi dan pembentukan

wilayah autonomi Islam di selatan Filipina yang meliputi 13 wilayah daripada 23 wilayah di Mindanao dan Sulu.<sup>31</sup> Namun, perjanjian ini juga mengalami kegagalan kerana terdapat masalah dalam pentafsiran perjanjian tersebut, Libya dan OIC gagal menekan Filipina untuk melaksanakan perjanjian yang dipersetujui dan pelaksanaan referendum untuk menentukan besar wilayah ARMM oleh Manila bertentangan dengan kemahuan Libya yang menginginkan referendum yang dijalankan hanya bertujuan menentukan besar wilayah.

Kegagalan perjanjian Tripoli ini telah disambung oleh Indonesia yang mula mengambil sikap lebih aktif dalam hubungan luarnya pada tahun 1980an. Semasa Persidangan Menteri Luar OIC Ke-20 di Istanbul, Turki membahaskan resolusi Jawatankuasa Empat berkenaan kegagalan Manila menghormati Perjanjian Tripoli. Semasa persidangan ini, Indonesia dan Bangladesh telah diterima menganggotai Jawatankuasa Empat menjadikannya Jawatankuasa Enam.<sup>32</sup> Hasilnya pada Persidangan OIC keenam di Dakkar pada 1991, Indonesia berjaya mempengaruhi isi resolusi OIC agar lebih positif terhadap tindakan yang dilakukan Filipina dalam membentuk wilayah autonomi di selatan Filipina. Keberhasilan untuk menghubungkan kembali perhubungan antara Manila-MNLF terserlah apabila Fidel V. Ramos dilantik menjadi presiden Filipina pada 1993. Beliau telah berusaha mewujudkan hubungan yang baik antara Manila dan juga para pemimpin Bangsamoro terutamanya Misuari. Ramos memilih MNLF (Misuari) kerana pertubuhan tersebut diiktiraf oleh beberapa negara Islam di seluruh dunia. Rundingan antara kedua-dua negara ini berasaskan kepada kerangka Perjanjian Tripoli tahun 1976.

Keinginan Ramos membawa kepada pertempuran informal pertama yang berlangsung di Tripoli telah menghasilkan *Agreement of Understanding*. Persefahaman ini bersetuju agar kedua-dua pihak mengadakan perundingan secara formal bagi mencapai satu resolusi konflik yang adil, terhormat dan bermartabat. Setelah terhenti lama, keinginan untuk berdamai disambung semula yang menyaksikan Filipina menginginkan pertemuan informal kedua diadakan di Filipina manakala MNLF menginginkan pertemuan tersebut diadakan di tempat yang neutral. Hasil daripada perundingan bersama antara Jawatankuasa OIC dengan MNLF bersetuju agar diadakan pertemuan kedua di Jeddah, tetapi ditolak oleh Filipina. Oleh itu, Misuari telah menghubungi Jabatan Luar Indonesia untuk menjadi tuan rumah kepada pertemuan antara kedua-dua pihak. Selepas beberapa kali tertunda, akhirnya pertemuan informal kedua berjaya diadakan pada April 1993 yang membawa kepada *Agreement of Understanding*.<sup>33</sup>

Pada Persidangan Menteri Luar OIC Ke-21 di Karachi, Pakistan pada 1993, Indonesia telah dipilih menjadi Ketua Jawatankuasa Enam dan dikehendaki memimpin pertemuan formal antara Manila-MNLF. Hasilnya, setelah tujuh kali pertemuan formal diadakan, maka pada tahun 1996 satu permuafakatan bersama antara kedua-dua pihak berkonflik berjaya dimeterai. Dalam hal ini 154 butir butir keseluruhan permuafakatan yang dicapai telah diperkemaskan lalu terbentuklah Perjanjian Perdamaian 1996. Perjanjian ini telah ditandatangani di hadapan presiden Suharto, Indonesia pada 30 Ogos 1996 manakala pada 2 September ditandatangani di hadapan Presiden Ramos. Walau bagaimanapun, perjanjian damai ini juga mengalami nasib yang sama seperti perjanjian sebelumnya apabila ia sukar dilaksanakan. Dengan itu, kekacauan kembali tercetus di selatan Filipina yang secara tidak langsung menimbulkan pula masalah kepada Malaysia bukan sahaja tuntutan terhadap Sabah, tetapi lebih kurang 72,000 pelarian Filipina melarikan diri ke Sabah dan menimbulkan masalah sosio-politik di negeri tersebut.<sup>34</sup>

Walaupun pentadbiran Aquino kemudiannya telah mengambil beberapa usaha untuk menamatkan tuntutan konflik yang berlaku, namun Manila tidak pernah menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. *Senate Bill* 206, yang mengecualikan Sabah dari wilayah Filipina sehingga kini masih tidak berjaya diluluskan kerana ia bukan hanya melibatkan isu tuntutan Sabah tetapi ia juga sebenarnya menjadi alat utama kempen ahli-ahli politik di Filipina. Walau bagaimanapun, usaha Malaysia tidak terhenti begitu sahaja apabila pada tahun 2001, Malaysia sekali lagi memainkan peranan penting sebagai pemudahcara dalam konflik yang berlaku antara Bangsamoro-Manila. Usaha ini berjaya dilakukan apabila termeterainya *the Framework Agreement on Bangsamoro* (FAB) antara Manila dan Barisan Pembebasan Islam Moro (*Moro Islamic Liberation Front - MILF*) pada 15 Oktober 2012. Oleh itu, ini seterusnya akan menekankan bahawa penglibatan Malaysia dalam konflik di selatan Filipina adalah bertujuan untuk memastikan kestabilan di rantau ini bersandarkan kepada konsep *prosper thy neighbour*.

## **Latarbelakang Konflik di Selatan Filipina**

Sejarah Filipina (dan selatan Filipina) telah menyaksikan beberapa siri penjajahan. Siri penjajahan ini bermula dengan penaklukan Sepanyol ke atas Filipina yang berlangsung antara tahun 1521–1896, diikuti oleh Kerajaan Revolusi antara tahun 1896–1902 yang menyaksikan perang Filipina dengan

Amerika Syarikat (1898–1902), pendudukan Amerika Syarikat (1902–1935), Komanwel Filipina (1935–1945), penjajahan pihak Jepun semasa Perang Dunia Kedua yang berlangsung antara tahun 1941 hingga tahun 1945 sehinggalah pembentukan Republik Filipina pada tahun 1946.

Konflik dalaman mula berlaku pada masa Persemakmuran Filipina (1935-1946) yang menyaksikan pihak kolonial berusaha mengurangkan kepadatan penduduk di bahagian utara Filipina dengan menggalakan penghijrahan penduduk Filipina yang beragama Kristian ke Mindanao. Hasilnya, masyarakat Islam di selatan Filipina menjadi kumpulan minoriti kerana jumlah penduduk Islam di wilayah tersebut hanya mewakili 5 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi Filipina.<sup>35</sup> Untuk itu, kerajaan Filipina telah menyediakan sejumlah besar pinjaman kepada Kristian Filipino yang ingin berpindah ke Mindanao. Kemudahan ini ditambah lagi, apabila pada tahun 1903 hingga tahun 1906, kawasan tanah yang diberikan kepada penghijrah Kristian Filipino telah ditingkatkan daripada 40 ekar kepada 200 ekar.

Tanpa disedari, penghijrahan beramai-ramai masyarakat Kristian Filipino telah menyebabkan penyatuan paksa mereka dengan Bangsamoro yang memiliki identiti etnik, bahasa, agama, adat istiadat dan budaya yang berbeza. Keadaan ini turut membawa kepada perubahan komposisi etnik dan struktur pemilikan tanah apabila Bangsamoro dipaksa menyerahkan tanah milik mereka kepada penghijrah Kristian melalui pelaksanaan undang-undang tanah yang dikuatkuasakan oleh Manila.<sup>36</sup> Hasilnya, pada tahun 1960an, Bangsamoro menjadi bangsa minoriti di beberapa wilayah selatan Filipina. Ramai antara mereka telah kehilangan harta melalui transaksi yang sah atau melalui rampasan tanah secara haram yang kebiasanya dengan bantuan pihak polis. Tindakan ini meningkatkan permusahan antara Bangsamoro, polis, tentera dan golongan politik yang didominasi oleh orang Kristian. Keadaan ini menimbulkan konflik kekerasan antara masyarakat Islam-Kristian yang ditandai dengan peristiwa Jabidah, *Manili Massacare*, pembunuhan di Manguindanao, Cotabatao, Lanao Del Sur dan Bukindnon serta empat kes pembakaran beratus-ratus rumah masyarakat Muslim di wilayah Mindanao tengah. Akibat daripada peristiwa ini, permusuhan antara masyarakat Muslim-Kristian berlanjutan sehingga Pilihan Raya Umum tahun 1971 yang menyaksikan ramai orang Kristian terpilih menjadi Gabenor di seluruh Cotabato dan Lanao.<sup>37</sup> Keadaan ini menyaksikan terjadinya peralihan kuasa politik daripada orang Islam kepada orang Kristian yang dahulunya menjadi sebahagian daripada pengaruh

Kesultanan Islam.<sup>38</sup>

Konflik yang tercetus ini menyebabkan lahirnya perjuangan secara tersusun Bangsamoro yang ditandai dengan penubuhan *Muslim Independence Movement* (MIM) dan MNLF. Walau bagaimanapun, perjuangan induk Bangsamoro yang ditunjangi oleh MNLF akhirnya terpecah menjadi *Bangsa Moro Liberation Organization* (BMLO), *Bangsa Muslimin Islamic Liberation Organization* (BMILO), *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) dan *Moro Revolutionary Organization* (MORO). Pergerakan secara tersusun Bangsamoro ini juga menyaksikan penglibatan Malaysia secara langsung dalam menangani konflik di selatan Filipina. Di awal perjuangan Bangsamoro, MNLF mendapat sokongan daripada Tun Mustapha sehinggakan kebanyakan bantuan kewangan yang diberikan oleh negara-negara Timur Tengah disalurkan melalui negeri Sabah. Malahan Tun Mustapha dikatakan telah menyediakan sebuah pangkalan untuk melatih pejuang-pejuang MNLF di negeri Sabah.<sup>39</sup> Tun memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada perjuangan Bangsamoro dan penduduk yang melarikan diri ke Sabah ini disebabkan oleh dua faktor utama iaitu; pertama, faktor agama/keetnikian (Tun adalah berketurunan Suluk dan beragama Islam) dan kedua, faktor ekonomi (kerana kekurangan tenaga kerja di Sabah).<sup>40</sup> Sokongan dan bantuan yang diberikan oleh Tun ke atas perjuangan Bangsamoro ini adalah dasar yang selari dengan pendirian Kuala Lumpur di bawah pentadbiran Tungku Abdul Rahman yang melihat wujudnya ancaman ke atas integriti Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat akibat tindakan Manila yang cuba untuk menuntut hak kedaulatan ke atas negeri Sabah. Ini adalah susulan daripada tindakan Manila yang meluluskan Akta Perampasan Sabah atau *Sabah Annexation Act* yang dikuatkuasakan sebagai undang-undang negara Filipina pada 18 September 1968. Akibatnya Kuala Lumpur bertindak memutuskan hubungan diplomatik dengan Filipina pada November 1968, seterusnya mengarahkan kedutaan Filipina di Kuala Lumpur untuk ditutup.<sup>41</sup>

Walaupun bagaimanapun, setelah menjalankan politik luar negara yang agresif dalam membantu perjuangan pembebasan selatan Filipina, Malaysia telah mengalihkan layar tersebut kepada dasar luar yang lebih pragmatik iaitu mencapai kepentingan nasional dengan peningkatan kekuatan internal melalui pembangunan ekonomi. Keadaan ini jelas diperlihatkan apabila tindakan Misuari yang melarikan diri ke Sabah untuk mendapatkan perlindungan daripada kerajaan Malaysia setelah menyerang kem tentera Filipina di Jolo, Sulu pada bulan November 2001 gagal. Beliau telah ditangkap oleh polis Malaysia dan kemudiannya menyerahkan beliau kepada pihak berkuasa

di Manila.<sup>42</sup> Peristiwa ini menunjukkan secara jelas, sokongan Malaysia ke atas perjuangan Bangsamoro secara ketenteraan tidak lagi mendapat tempat dalam dasar luar Malaysia, sebaliknya prinsip *prosper thy neighbour* mula diketengahkan dalam hubungan Malaysia-Filipina berkenaan konflik di selatan Filipina.

## **Peranan Malaysia dalam Penyelesaian Konflik di Selatan Filipina**

Perjanjian damai yang ditandatangani antara Manila dengan MILF pada tahun 2014 merupakan jalan damai yang telah dirintis sejak bertahun-tahun lamanya. Inisiatif sebelum ini banyak diambil oleh negara-negara OIC seperti Libya, Arab Saudi, Iran dan Indonesia. Rundingan keamanan pertama mengambil tempat pada tahun 1976 di Tripoli, Libya dan kemudiannya pada tahun 1996 di Jakarta, Indonesia antara MNLF dengan kerajaan Filipina. Namun, dalam Perjanjian Keamanan tahun 2014 yang ditandatangani antara MILF dengan kerajaan Filipina merupakan jalan yang dirintis oleh kerajaan Malaysia.

Sejak daripada awal lagi, kerajaan Malaysia ingin melihat keamanan yang berkekalan di selatan Filipina. Hal ini disebabkan beberapa faktor terutamanya berkait dengan masalah yang ditimbulkan oleh pendatang asing Filipina di Malaysia khususnya di negeri Sabah.<sup>43</sup> Pendatang Filipina yang memasuki Sabah sama ada sebagai pelarian, pekerja asing atau pendatang tanpa izin dianggap oleh masyarakat dan ahli-ahli politik di negeri Sabah sebagai masalah utama yang perlu diatasi. Dalam hal ini, kehadiran pendatang Filipina di Sabah bukanlah satu fenomena baru kerana mereka sudah berada di negeri ini sejak beberapa kurun lampau, khususnya yang terbabit dengan aktiviti perdagangan.<sup>44</sup> Namun, akibat pergolakan politik yang berlaku di selatan Filipina pada tahun 1970an menyebabkan kehadiran mereka ke negeri Sabah berlaku dalam jumlah yang agak membimbangkan. Perkara tersebut ditambah pula dengan daya tarikan ekonomi Sabah, di samping faktor geografi antara Sabah dengan Filipina yang berdekatan memudahkan proses kemasukan mereka ke negeri ini.<sup>45</sup> Oleh itu, proses kedatangan pendatang Filipina secara beramai-ramai ke Sabah telah melalui pelbagai peringkat iaitu; pertama, berlaku pada tahun 1970-an akibat keadaan yang tidak menentu di Filipina, faktor ekonomi di Malaysia dan pemerintah Sabah pada masa itu di bawah Tun Mustapha (parti USNO) yang menyokong perjuangan Bangsamoro dan peringkat kedua berlaku pada pertengahan tahun 1980-an sehingga kini disebabkan faktor ekonomi. Namun, faktor ketidaktentuan di Filipina sudah



tidak lagi dominan dalam konteks Filipina hari ini berbanding faktor ekonomi dan faktor kedudukan geografi yang mendorong mereka datang Sabah. Keadaan yang berlaku dapat dilihat melalui kemasukan mereka dengan mudahnya ke negeri Sabah.<sup>46</sup>

Masyarakat keturunan Bajau dan Suluk iaitu etnik majoriti yang mendiami wilayah selatan Filipina seperti di Basilan, Tawi-Tawi, Palawan, Davao, Sitangkai dan Zamboanga merupakan kumpulan yang paling ramai berhijrah ke Sabah. Walaupun kumpulan pendatang Filipina terdiri daripada dua etnik yang utama iaitu Bajau dan Suluk, namun dalam kalangan keturunan Bajau itu sendiri mempunyai kepelbagaian suku yang ditentukan melalui pulau asal mereka di Filipina<sup>47</sup>, tetapi terdapat persamaan yang ketara dalam kalangan daripada aspek bahasa dan budaya. Di Malaysia, negeri Sabah mempunyai bilangan warga asing yang teramai. Dalam tahun 2000 mencatatkan lebih 614,000 warga asing berada di Sabah. Daripada jumlah tersebut hanya kira-kira 102,000 sahaja pekerja berdaftar dan kira-kira 65,000 orang adalah pelarian manakala lebih kurang 450,000 orang adalah pendatang tanpa izin. Bilangan pendatang tanpa izin yang ramai adalah disebabkan oleh sikap 'pintu terbuka' pemerintah Sabah terhadap pendatang asing dan orang pelarian dari selatan Filipina sebelum tahun 1980. Sikap kerajaan Malaysia ini hanya berubah apabila kesan negatif daripada kedatangan pendatang tanpa izin tersebut mula dirasakan pada tahun 1980an. Antara langkah awal yang diambil untuk menangani masalah pendatang tanpa izin dan orang pelarian ialah pembentukan Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan), di bawah kelolaan Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1989.<sup>48</sup> Selain itu, masalah lain yang berlaku akibat ketidakstabilan di Filipina ini adalah berkait dengan masalah jenayah rentas sempadan, penyeludupan, penculikan dan insiden pencerobohan seperti yang berlaku pada 2013 di Tanduo. Lahad Datu. Sejak tahun 2000 misalnya, terdapat lebih kurang 10 insiden penculikan yang berlaku melibatkan kumpulan Abu Sayaff (ASG) atau oleh kumpulan lain yang dikenali sebagai *Kidnapping for Ransom* (KfR) di negeri Sabah dan melibatkan jutaan ringgit tuntutan.

Walaupun beberapa inisiatif telah diambil sejak tahun 1990-an, termasuk menjemput Nur Misuari, bekas pemimpin dan Gabenor ARMM datang ke Malaysia untuk menyelesaikan kemelut Bangsamoro, namun usaha tersebut masih gagal mencapai matlamatnya. Oleh sebab itu, pada tahun 1990-an, akibat masalah yang berterusan ini, Malaysia telah memperkenalkan konsep *prosper thy neighbour*. Melalui konsep ini, Manila mengharapkan agar Malaysia, melalui pelabur-pelabur di Sabah boleh melabur di selatan

Filipina bagi mengelakkan berlakunya kebanjiran rakyat Filipina di Sabah. Melalui konsep ini juga, Malaysia mengharapkan agar kemakmuran ini kelak akan mengurangkan tempias masalah yang disebabkan oleh ketidakstabilan di selatan Filipina untuk sampai ke Sabah. Untuk tujuan mencapai hal ini, Malaysia melalui kerangka kerjasama ASEAN telah melaksanakan konsep ini di kawasan BIMP-EAGA terutamanya di selatan Filipina dan Kalimantan. Malangnya, walaupun terdapat beberapa pelabur Malaysia yang berusaha membuka ladang kelapa sawit di wilayah tersebut, namun, konflik di Filipina menyebabkan usaha pelaburan yang dilakukan gagal mencapai matlamatnya.<sup>49</sup> Kegagalan ini berpunca daripada keadaan yang tidak menentu di kawasan yang bergolak ini dan memerlukan kepada usaha berterusan untuk mencapai keamanan di kawasan terbabit.

Oleh itu, pihak Malaysia beranggapan bahawa jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah yang timbul adalah dengan membawa keamanan di selatan Filipina. Dengan menyokong keamanan di wilayah ini, kehadiran pelarian dan pendatang Filipina ke Malaysia serta masalah rentas sempadan lain akan dapat dikurangkan. Justeru itu, tidak menghairankan sekiranya usaha-usaha untuk menyelesaikan konflik di selatan Filipina telah lama diambil oleh kerajaan Malaysia. Inisiatif Malaysia melalui Perjanjian Keamanan 2014 dilihat mampu membawa harapan baru kepada keamanan yang berkekalan di selatan Filipina seterusnya dijangka mampu menyelesaikan masalah yang berlaku di Sabah. Najib sejak tahun 2012 lagi telah menyatakan harapan beliau untuk melihat keamanan di wilayah terbabit dapat diwujudkan. Menurut beliau:

*“We have played a role as facilitator for the peace and if we help in the development [of] Mindanao it will have a positive impact on the region and Sabah”.*<sup>50</sup>

Perkara ini turut mendapat perhatian daripada Ketua Pemuda UMNO Tenom, Jamawi Jaafar yang mengharapkan Perjanjian Keamanan antara kerajaan Filipina dengan MILF akan menguntungkan semua pihak. Menurut beliau, proses keamanan di selatan Filipina dapat mengatasi masalah kebanjiran pendatang asing Filipina ke Sabah untuk jangka masa panjang. Tambahan pula, proses damai tersebut juga dapat memberi nilai tambah kepada Jawatankuasa Siasatan Diraja (RCI) dalam usaha mencari jalan penyelesaian yang terbaik berkaitan isu PATI.

“Kita yakin proses perjanjian perdamaian ini juga akan dapat mengatasi masalah longgokan PATI, di mana mereka (PATI) akan kembali ke tempat asal tanpa rasa bimbang dan takut untuk memulakan penghidupan mereka di tanah air sendiri dan ini sekaligus membuka ruang pertumbuhan ekonomi di selatan negara tersebut bagi membolehkan PATI khususnya di Sabah boleh balik ke negara asal mereka bagi memulakan penghidupan baru”.<sup>51</sup>

Selain itu, konsep memakmurkan jiran anjuran Malaysia dalam isu di selatan Filipina ini turut dikomplementasi dengan elemen-elemen dalaman dan luaran negara. Dengan kata lain, elemen-elemen ini menjadi turut mempengaruhi bagaimana Malaysia berusaha memprojeksikan imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Dalam hal ini, Malaysia ingin dilihat sebagai “*champion*” dalam membangkitkan isu-isu berkait Islam. Oleh sebab itu, sekiranya Malaysia berjaya menangani konflik di selatan Filipina, maka isu tersebut mampu memprojeksi imej Malaysia sebagai negara penting dalam OIC. Selain itu, penglibatan Malaysia juga disebabkan oleh politik dalaman Malaysia yang ingin mengangkat Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang berpaksikan kepada agama Islam. Dengan kata lain, kebangkitan Islam dalam konteks politik dalaman Malaysia turut menjadi pelengkap kepada keterlibatan Malaysia dalam konflik di Selatan Filipina. Secara tidak langsung, keterlibatan Malaysia dalam konflik di selatan Filipina akan memberikan populariti kepada kepimpinan Najib sebagai jaguh yang memperjuangkan Islam di peringkat antarabangsa.

Hal ini dinyatakan sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia, Najib Razak dalam beberapa siri kenyataannya mengenai keamanan di selatan Filipina dengan menyebut bahawa peranan Malaysia di wilayah tersebut banyak didorong oleh faktor agama Islam. Malahan, Najib semasa memperkatakan berkenaan konflik di selatan Filipina menunjukkan dengan jelas bahawa penglibatan Malaysia dalam isu tersebut adalah sebagai komitmen pemerintah (Barisan Nasional) dalam memperjuangkan nasib negara-negara Islam lain daripada terus ditindas dan menjadi pelarian ke negara lain.

“Meskipun tiada label Islam pada luaran parti kita, tapi objektif parti adalah untuk memelihara dan mempertahankan serta membangunkan syiar Islam... Malaysia telah memainkan peranan penting dalam

menyelamatkan etnik Bangsamoro termasuk nyawa dan agama mereka”.<sup>52</sup>

Sekali lagi pada 25 Ogos 2012, Najib melalui tulisannya menyebut bahawa kejayaan Malaysia menangani konflik di selatan Filipina telah mengambil masa hampir separuh abad. Beliau seterusnya menyatakan bahawa kejayaan ini adalah hasil gerakan *Wasatiyyah* dan Pergerakan Moderat Global peringkat dunia yang beliau perjuangkan dan secara tidak langsung menggambarkan kedudukan Malaysia sebagai juara kepada negara-negara Islam dan gerakan kesederhanaan global.

“Perjanjian damai itu juga merupakan satu kebanggaan buat Malaysia yang berperanan sebagai perunding antara kedua-dua pihak dan kejayaan itu adalah hasil usaha dan kerja keras kita selama hampir separuh abad. Selain itu, ia juga merupakan kejayaan Pergerakan Moderat Global dalam memastikan tidak timbul lagi sebarang konflik yang menanamkan sifat kebencian dan amarah antara satu sama lain”.<sup>53</sup>

Umumnya, penglibatan Malaysia sebagai perantara dalam konflik Moro-Manila telah bermula sejak tahun 2001 sehingga perjanjian awal untuk perdamaian dicapai di Kuala Lumpur dalam rundingan yang berlangsung antara 2 hingga 7 Oktober 2012.<sup>54</sup> Peristiwa bersejarah ini bermula apabila *International Monitoring Team* (IMT) ditubuhkan untuk memantau proses perjalanan dan implementasi Perjanjian Keamanan yang ditandatangani antara kerajaan Filipina dan MILF pada 22 Jun 2001. Selepas itu beberapa inisiatif telah diambil untuk merealisasikan keamanan di wilayah ini antaranya seperti mengimplementasi panduan aspek keselamatan pada 7 Ogos 2001, melaksanakan *Guidelines Humanitarian, Rehabilitation and Development Aspects* pada 7 Mei 2002 dan perjanjian berkaitan dengan *Civilian Protection Component* pada 27 Oktober 2009.<sup>55</sup>

Individu penting disebalik kejayaan ini adalah wakil Malaysia yang menjadi perantara dan pemudah cara kepada proses damai iaitu Tengku Dato’ Abdul Ghafar Tengku Mohamed. Penasihat Presiden Filipina, Teresita Quintos Deles mengelarkan Tengku Abdul Ghaffar sebagai ‘*editor-in-chief*’ kepada proses damai tersebut yang beliau gambarkan sebagai seorang “*who always found a way to keep the talks going when things got tough... He often said we were on the same page but sometimes looking at different paragraphs*”.<sup>56</sup> Walaupun

proses damai yang diambil merupakan satu proses yang sukar, namun melalui komitmen tinggi yang beliau tunjukkan, akhirnya Perjanjian Keamanan berjaya direalisasikan. Menceritakan pengalaman beliau, Tengku menjelaskan bahawa usaha menyatukan pihak yang bertelagah dalam konflik di selatan Filipina bukan suatu kerja yang mudah disebabkan sistem kerajaan yang berbeza. Di Filipina, sistem kerajaan Republik diamalkan dengan pemimpin utamanya adalah presiden manakala di Malaysia sistem pentadbirannya adalah sistem Persekutuan. Ini menyebabkan berlakunya kesukaran dalam menjelaskan keadaan yang berlaku di selatan Filipina. Namun, halangan-halangan tersebut berjaya diatasi dan akhirnya membawa kepada harapan keamanan berkekalan di wilayah bergolok ini melalui kerangka Perjanjian Keamanan 2014.<sup>57</sup>

Komitmen Malaysia untuk melihat keamanan di rantau ini tidak terhenti setakat itu sahaja, apabila Malaysia juga menawarkan pendidikan tinggi kepada rakyat dan Bangsamoro. Untuk tujuan tersebut, kerajaan Malaysia melalui Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) memberikan beberapa biasiswa kepada anak-anak Bangsamoro bagi membolehkan mereka meneruskan pengajian di Malaysia. Apa yang penting dalam hal ini adalah usaha-usaha Malaysia yang ingin melihat Bangsamoro terus hidup di selatan Filipina.<sup>58</sup> Pada anggapan Malaysia, keamanan yang berkekalan di selatan Filipina bakal memberikan harapan baru kepada Bangsamoro di selatan Filipina dan juga sebahagian daripada masyarakat Filipina di Sabah. Di Malaysia, terutamanya Sabah, Perjanjian Keamanan ini bakal memberi ruang kepada kestabilan yang berpanjangan di negeri tersebut kerana bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah kehadiran pendatang dan pelarian Filipina yang ramai di Sabah, tetapi juga turut menyelesaikan beberapa isu berbangkit lain seperti penculikan, perlanunan, penyeludupan dan beberapa aktiviti lain yang dilihat memberi kesan panjang kepada keselamatan negeri Sabah.<sup>59</sup>

Oleh itu, tidak menghairankan apabila termeterainya Perjanjian Keamanan 2014 antara Manila-MILF, beberapa pemimpin Malaysia melihat bakal wujudnya keamanan di rantau ini dan juga Malaysia keseluruhannya. Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai misalnya menyatakan "*We hope that with peace in the region, the trade and economies of the countries involved would improve and the people in general enjoy a better life*".<sup>60</sup> Selain itu, Musa Aman, Ketua Menteri Sabah pula menyatakan bahawa Malaysia, khususnya Sabah menanti dengan penuh minat perkembangan yang berlaku di selatan Filipina dan berharap agar perjanjian yang akan ditandatangani kelak dapat mengurangkan masalah yang berlaku di selatan Filipina seterusnya mengurangkan kehadiran pendatang ke negeri tersebut.<sup>61</sup>

## Perjanjian Keamanan MILF-Manila 2014

Perjanjian Keamanan ini bermula dengan pertemuan antara Manila-MILF pada 24 Januari 2014 diantara ketua perunding kerajaan Filipina, Miriam Coronel Ferer dan Ketua perunding MILF, Mohagher Iqbal di Kuala Lumpur. Ini diikuti dengan termeterainya *Comprehensive Agreement on the Bangsamoro* pada 27 Mac 2014 yang ditandatangani di Manila. Detik bersejarah bagi memulakan proses penubuhan wilayah autonomi Bangsamoro ini turut disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Filipina, Benigno Aquino III dan juga pengerusi MILF, Murad Ibrahim. Perjanjian ini akan membuka jalan kepada pembentukan sebuah wilayah autonomi Islam di selatan Filipina yang dikenali sebagai “Bangsamoro”.<sup>62</sup> Usaha perdamaian tersebut sebenarnya bukanlah satu usaha yang mudah kerana telah melibatkan hampir 32 siri rundingan keamanan dan memakan masa lebih daripada 9 tahun untuk mencapai kata sepakat mengenai konflik di selatan Filipina. Oleh itu, dengan termeterainya Perjanjian Keamanan 2014 telah menamatkan empat dekad penentangan bersenjata Bangsamoro ke atas pentadbiran Manila yang telah mengorbankan lebih daripada 150,000 nyawa.<sup>63</sup> Hasil daripada Perjanjian Keamanan tersebut juga menyaksikan MILF bersetuju untuk menghentikan gerakan bersenjata dengan perletakkan senjata seramai 12,000 *Bangsamoro Islamic Armed Forces* (BIAF), sayap bersenjata MILF.

Perjanjian Keamanan yang ditandatangani merupakan usaha untuk mewujudkan sebuah wilayah yang mempunyai autonomi politik dan kuasa yang lebih besar berbanding *Autonomous Region of Muslim Mindanao* (ARMM). Wilayah autonomi ini diharapkan dapat direalisasikan pada tahun 2016 yang memberi kuasa politik lebih besar dan kawalan terhadap sumber alam kepada wilayah majoriti Islam sebelum berakhirnya penggal semasa pentadbiran presiden Aquino. Pembentukan sistem kerajaan berautonomi lebih besar ini dianggap perlu akibat kegagalan beberapa siri perjanjian sebelumnya. Perjanjian Keamanan 1996 yang ditandatangani antara MNLF dengan Manila misalnya telah membawa kepada pembentukan ARMM di selatan Filipina, tetapi gagal merealisasikan harapan Bangsamoro. Walaupun telah diberi peluang untuk mengubah wilayah tersebut, namun ianya terus menjadi antara wilayah yang termiskin dan paling rendah tahap pembangunannya di Filipina. Keadaan ini terlihat jelas apabila pada tahun 2009 kadar kemiskinan di selatan Filipina adalah setinggi 38.1 peratus. Keadaan yang berlaku bukan sahaja disebabkan kurangnya peruntukan kewangan daripada kerajaan pusat,

tetapi juga dipengerahui oleh beberapa faktor lain terutamanya yang berkaitan dengan soal tadbir-urus.

Menurut Suruhanjaya Audit Khas yang ditubuhkan oleh Manila, sebanyak 850 juta peso telah diperuntukkan untuk membangunkan infrastruktur di ARMM pada belanjawan tahun 2010. Namun, tiada satu pun projek yang dirancang berjaya disiapkan sepenuhnya sepanjang tempoh tersebut. Lebih menyedihkan lagi, apabila laporan audit yang dikeluarkan oleh kerajaan turut menyebut bahawa lebih 90 peratus daripada peruntukan ARMM telah dibelanjakan untuk tujuan '*personnel services*' iaitu melibatkan angka yang tidak diaudit. Oleh itu, kemiskinan, korupsi dan masalah di selatan Filipina tidak akan dapat diselesaikan tanpa adanya perubahan struktur yang dilihat memainkan peranan penting untuk menangani masalah yang sedang dihadapi. Akibat daripada kegagalan ini, maka tidak menghairankan apabila Murad Ibrahim, pengerusi MILF melihat pembentukan ARMM di selatan Filipina sebagai "*failed experiment*". Hal ini kerana, pentadbiran ARMM telah gagal dalam menyelesaikan banyak isu seperti penipuan dalam pilihanraya, *political patronage*, kemiskinan, perang dan budaya *warlordism* yang masih berterusan di wilayah terbabit.<sup>64</sup> Malahan, semasa memberikan ucapannya pada tahun 2012, Murad melihat bahawa walaupun wujud dua perjanjian utama (Perjanjian 1976 dan Perjanjian 1996) untuk menyelesaikan masalah yang timbul, namun ianya masih gagal dalam melihat isu tersebut secara keseluruhan. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui ucapan Murad semasa proses awal ke arah pembentukan Perjanjian Keamanan yang menyatakan:

*"But unfortunately, the negotiation came short of going further deep of the root cause of the Moro question. Thus, the appropriate political formula to correct the historical and current injustices committed on the Bangsamoro people remain elusive. Political palliatives and economic cosmetics under the rubric of counter-insurgency which were successively put in place to resolve the Moro question prove to be failed experiments in political autonomy, the latest of which is the ARMM, and so that conflict remain that has invariably taken a heavy toll on the lives, properties, and livelihoods of our people Moro-indigenous communities and settlers in Mindanao and Sulu".*<sup>65</sup>

Oleh itu, Perjanjian Keamanan 2014 bukanlah merupakan perjanjian yang dicapai dalam sekelip mata. Sebelum perjanjian Keamanan tersebut

ditandatangani, terdapat perjanjian yang dikenali sebagai *Memorandum of Agreement on Ancestral Domain* (MOA-AD) pada tahun 2008. Perjanjian ini merupakan memorandum antara Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dengan kerajaan Filipina yang mengandungi persetujuan antara kedua-dua pihak berkenaan beberapa isu seperti *Concepts and Principles, Territory, Resources, Governance of the Ancestral Domain of the Bangsamoro*.<sup>66</sup> MOA-AD merupakan inisiatif yang diambil oleh beberapa individu penting antaranya seperti Rodolfo Garcia, bekas Governor dan Pengerusi Panel Keamanan; Hermogenes Esperon, Penasihat Presiden mengenai proses keamanan dan Mohagher Iqbal, Pengerusi Panel Keamanan MILF pada 27 Julai 2008 di Malaysia.<sup>67</sup> Bagi menjamin kejayaan MOA-AD,<sup>68</sup> *Young Moro Professionals Network* (YMPN) iaitu NGO yang terdiri daripada golongan profesional muda Bangsamoro mendesak agar masyarakat di selatan Filipina tidak berasa takut dengan perjanjian tersebut. Malahan, pada 21 Ogos 2008, YMPN sekali lagi menyeru agar perjanjian yang ditandatangani diteruskan bagi menjamin masa depan Bangsamoro. Menurut para pemimpin di dalam YMPN menyatakan:

*“In these times of hardship, we hold hands as one, with our Christian and Islamic neighbours, in the name of peace, acceptance and justice. We are committed to a democratic and peaceful resolution of the conflict. Do not be afraid of the MOA-AD. To the national public, open your hearts to the Moro grievance”*.<sup>69</sup>


Umumnya wilayah yang akan terlibat dalam pembentukan Bangsamoro meliputi lima wilayah iaitu 2 bandar besar, 6 bandar dan beberapa perkampungan di sebelah selatan yang mewakili 10 peratus daripada keseluruhan Filipina. Perjanjian ini menyebut bahawa:

*“The core territory of the Bangsamoro shall be composed of: (a) the present geographical area of the ARMM; (b) the Municipalities of Baloi, Munai, Nunugan, Pantar, Tagoloan and Tangkal in the province of Lanao del Norte and all other barangays in the Municipalities of Kabacan, Carmen, Aleosan, Pigkawayan, Pikit, and Midsayap that voted for inclusion in the ARMM during the 2001 plebiscite; (c) the cities of Cotabato and Isabela; and (d) all other contiguous areas where there is a resolution of the local government unit or a petition of at least ten percent (10%) of the qualified voters in the area*



Dasar 'Memakmurkan Jiran' dan Penglibatan Malaysia dalam Proses Keamanan di Selatan Filipina  
*asking for their inclusion at least two months prior to the conduct of the ratification of the Bangsamoro Basic Law and the process of delimitation of the Bangsamoro...*”<sup>70</sup>

**Peta 1:** Cadangan pembentukan wilayah Bangsamoro di Selatan Filipina.



Sumber: “The 2012 Framework Agreement of Bangsamoro”, [www.gov.ph](http://www.gov.ph), 07 Oct 2012.

Walau bagaimanapun, wilayah-wilayah yang tidak ingin menyertai komuniti Bangsamoro kelak boleh menentukan masa depan mereka melalui satu pungutan suara. Dengan kata lain perjanjian ini masih memberikan peluang kepada wilayah-wilayah yang enggan menyertai komuniti Bangsamoro kerana memilih keluar daripada wilayah tersebut. Undang-undang Islam (*syariah law*) akan dilaksanakan di wilayah terbabit, tetapi hanya berkuatkuasa ke atas masyarakat Islam serta yang melibatkan kes-kes sivil sahaja dan bukannya kepada kes-kes jenayah. Di samping itu, jaminan juga diberikan kepada penduduk di wilayah ini untuk terus melangsungkan kehidupan mereka, bergerak bebas, *privacy*, kebebasan beragama dan bersuara.<sup>71</sup> Menurut

perjanjian yang ditandatangani menyatakan:

*“Consistent with the Bangsamoro Basic Law will have the power to create its own sources of revenues and to levy taxes, fees, and charges, subject to limitations as may be mutually agreed upon by the Parties. This power shall include the power to determine tax bases and tax rates, guided by the principles of devolution of power, equity, accountability, administrative simplicity, harmonization, economic efficiency, and fiscal autonomy.”<sup>72</sup>*

Walau bagaimanapun, kerajaan pusat di Manila masih akan mengawal beberapa isu yang dilihat penting kepada negara antaranya yang melibatkan isu seperti pertahanan dan keselamatan, dasar luar, pasaran bersama dan perdagangan antarabangsa (dengan syarat bahawa kuasa untuk menandatangani perjanjian mengenai ekonomi ini dibenarkan dibawah *Republic Act No. 9054* yang sepatutnya diberikan kepada Bangsamoro), pengeluaran wang dan dasar kewangan; kewarganegaraan dan naturalisasi serta perkhidmatan pos.<sup>73</sup> Secara keseluruhannya, kejayaan proses rundingan ini turut menggambarkan kejayaan Malaysia dalam memastikan keamanan yang berkekalan di selatan Filipina dengan harapan perdamaian tersebut turut menguntungkan Malaysia bersandarkan kepada polisi *prosper thy neighbour* iaitu keselamatan bagi sesebuah negara adalah keselamatan bagi negara lain.

## **Kesimpulan**

Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun dengan kestabilan politik dan ekonomi yang lebih baik berbanding negara-negara jirannya seperti Filipina dan Indonesia menjadikannya sebagai *role model* bukan sahaja kepada kedua-dua negara tersebut, tetapi juga di rantau Asia Tenggara. Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi keterlibatan Malaysia dengan negara jirannya, bukan sahaja atas semangat ASEAN atau negara yang berjiran, tetapi juga turut dipengaruhi oleh faktor kedudukannya sebagai sebuah negara Islam. Pada masa yang sama, dasar luar yang dilaksanakannya juga mempengaruhi keterlibatan Malaysia dengan negara jirannya terutama negara-negara berkonflik. Perkara ini terlihat jelas apabila penindasan dan diskriminasi yang dialami oleh Bangsamoro di selatan Filipina telah mendapat reaksi daripada Malaysia yang menyokong kuat pergerakan kemerdekaan selatan Filipina daripada Filipina atas dasar saudara seagama. Oleh sebab itu, pada tahun 1980-an Malaysia bangkit memberikan sokongan moral, menyediakan pusat latihan ketenteraan dan menjadi pusat saluran kewangan daripada Tiur Tengah kepada pejuang Bangsamoro. Walau bagaimanapun, seiring dengan perkembangan waktu, sokongan ini mula berubah apabila

konflik yang berlaku di selatan Filipina memberi kesan langsung kepada kemakmuran dan keharmonian dari sudut ekonomi dan sosial di Malaysia khususnya di Sabah. Perkara ini terlihat jelas apabila berlakunya kebanjiran pelarian Filipina ke Sabah akibat jaminan pekerjaan dan peluang kehidupan yang lebih berbanding di negara asal mereka. Malangnya, isu kebanjiran ini seringkali dikaitkan dengan dampak negatif berbanding positifnya. Kesannya, melalui pengenalan polisi *prosper thy neighbour* yang diperkenalkan oleh Mahathir pada tahun 1990-an mula dilaksanakan dalam hubungan Malaysia-Filipina berkaitan konflik di selatan Filipina. Pengimplementasian konsep ini bersandarkan kepada tanggapan bahawa sekiranya konflik di selatan Filipina dapat ditamatkan dan kemakmuran dapat diwujudkan, maka Malaysia juga akan menerima kesan positif daripadanya.

Walaupun berlaku perubahan dalam pucuk pimpinan dan pendekatan dalam dasar luar Malaysia, namun objektif dan matlamat negara tetap sama iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dari segi ekonomi, stabil dari segi politik dan mampu memberikan sumbangan di peringkat antarabangsa. Oleh itu, bagi mencapai hasrat tersebut, Malaysia bukan sahaja mempunyai dasar luar yang dinamik, tetapi juga berupaya mengubah corak dan orientasinya, selaras dengan tuntutan semasa. Perkara ini terlihat jelas apabila polisi memakmurkan jiran yang diperkenalkan oleh Mahathir telah diteruskan oleh Najib Tun Razak dalam menangani konflik di selatan Filipina. Melalui polisi ini, Malaysia bertindak sebagai orang tengah dalam usaha mencapai proses keamanan di selatan Filipina. Polisi ini dianggap sebagai “resipi kejayaan adalah resipi kemakmuran” dengan harapan akan dinikmati dalam jangka masa yang panjang. Maka dengan itu, polisi *prosper thy neighbour* dianggap sebagai langkah terbaik dalam memastikan kemakmuran dan kestabilan negara Malaysia sentiasa terpelihara, sekaligus mengorak langkah menuju sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Kejayaan Malaysia membawa Manila-MILF ke meja rundingan diharapkan bukan sahaja akan dapat mengembalikan keamanan di wilayah bergolak ini, tetapi juga memberi dampak positif kepada kestabilan di Malaysia. Walaupun sehingga kini perkara yang diharapkan masih belum menunjukkan hasil yang memberangsangkan, namun Malaysia optimis bahawa kemakmuran yang bakal dicapai di selatan Filipina dan dioperasikan sepenuhnya menjelang tahun 2016, bakal merubah nasib penduduk di selatan Filipina. Namun, pada masa yang sama, Malaysia juga sebenarnya sedar wujudnya kekangan dalam Perjanjian Keamanan 2014 kerana ia ditandatangani bukan antara Bangsamoro-Manila, tetapi antara Manila-MILF. Oleh sebab itu, keamanan jangka panjang masih sukar untuk dilaksanakan di selatan Filipina kerana MNLF dan Abu Sayaf tetap dengan perjuangan bersenjata mereka menentang Manila. Sekiranya keadaan ini berlaku, konflik akan kembali memuncak di selatan Filipina, sekaligus merencatkan matlamat Malaysia untuk memakmurkan negara jiran untuk kestabilan Malaysia. Hakikatnya, eksperimen Malaysia melalui polisi

*prosper thy neighbour* ini diharapkan akan membawa kepada kemakmuran berpanjangan di rantau ini. Dalam hal ini, walaupun perjalanan kepada keamanan yang berpanjangan masih jauh untuk dicapai, dasar Malaysia ini menunjukkan sikap pragmatik dan dinamik para pemimpin di Malaysia dalam mencongak masa depan yang lebih baik penduduk di selatan Filipina dan juga di Sabah khususnya. Malahan dasar ini dilihat bukan hanya penting dalam memahami hubungan Malaysia-Filipina, tetapi juga kestabilan di rantau ini.

## Nota Akhir

- 1 Wisma Putra. 2014. "Formulation of Foreign Policy", *Wisma Putra*, <http://www.kln.gov.my>, 20 Februari.
- 2 Konsep ini turut dikenali dengan beberapa nama antaranya "*mutual security*" (Smoke); "*reciprocal security*" (Booth); atau "*cooperative security*" (Nolan). Lihat Richard Smoke, 1991. "A theory of mutual security" dalam Richard Smoke & Andrei Kortunov (Eds.), *Mutual Security*, NY: St. Martin's; Ken Booth, 1985. 'The case for non-nuclear defence', dalam John Roper (Ed.) *The Future of British Defence Policy*, Aldershot: Gower dan Janne E. Nolan *et. al.* 1994. "The Concept of Cooperative Security" dalam Janne E. Nolan (Ed.) *Global Engagement: Cooperation and Security in the 21st Century*, Washington: Brooking.
- 3 Bjørn Møller. 1996. "Common Security And Non-Offensive Defence As Guidelines For Defence Planning and Arms Control?", *The International Journal of Peace Studies*, 1(2), July, <http://www.gmu.edu>
- 4 Ramli Dollah *et. al.*, "Organisasi Antarabangsa dan Keselamatan Serantau: Pengalaman Asia Tenggara, Model Kepada Asia Timur", *Jurnal Pemikir*, 52, 2008, hlm. 1-30.
- 5 Mahathir Mohamad. 1997 *Review (EIR)*, 24 (40), hlm. 10.
- 6 *Ibid.* hlm.10
- 7 *Ibid.*, hlm. 15
- 8 New Strait Times. 1998 "Adopt prosper-thy-neighbour policy, says PM", *New Strait Times*, 13 Januari.
- 9 "Tun Mahathir: Asians too prefer security". 2008. atas talian [www.perdana4peace.org](http://www.perdana4peace.org), dilayari pada 23 April.
- 10 Tham Siew Yean & Kwek Kian Teng. 2007 "Prosper-Thy- Neighbour Policies: Malaysia's Contributions after the Asian Financial Crisis", *ASEAN Economic Bulletin*, 24(1), hlm. 72-97.
- 11 Untuk keterangan lanjut sila lihat Stuart Deed. 2011. "Malaysian maverick' wows audience in Yangon", *Myanmar Times*, 13 Julai.

- 12 Akil Yunus & Nurul Izzah. 2013. "Prosper thy neighbour", *New Strait Times*, 5 March.
- 13 M. Ariff Othman, *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi dari Segi Sejarah, undang-undang dan Politik* (Kuala Lumpur, DBP, 1 988); Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ke atas Boreno Utara*, Bangi, UKM, 1999; Michael Leifer, 'The Philippines and Sabah irredenta', *World Today*, Vol. 24 (1968); Nestor M. Nisperos, *Philippines Foreign Policy on the North Borneo Question*, (University of Pittsburgh, 1969, PhD Thesis); Lela Noble, *Philippine Policy toward Sabah*, (Tucson: University of Arizona, 1977); Marvin Ott, *The sources and content of Malaysian Foreign Policy towards Indonesia and the Philippines: 1957-1965* (The Johns Hopkins University, 1971, PhD Dissertation); Salah Jubair. 1999. *Bangsamoro: A Nation Under Endless Tyranny*, (3rd Ed.). Kuala Lumpur: IQ Marina; Muhammad Abu Bakar. 1984. "Corregidor: A Study in Malaysian-Philippine Crisis Politics", dalam Muhammad Abu Bakar *et.al.* (Eds.), *Historia: Essays in Commemoration of the 25th Anniversary of the Department of History*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, hlm. 452-468; M. Ghazali Shafie. 1982. *Malaysia: International relations*, KL: Creative Entertainment
- 14 Paridah Abd Samad dan Darusalam Abu Bakar, 'Malaysia-Philippines Relations: The issues of Sabah', *Asian Survey*, Vol. 32(6) (1992), pp. 554-567; Ruhanas Harun. 2009. "Peningkatan keselamatan bersama melalui kerjasama dua hala Malaysia dan negara-negara jiran". *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. 36, 25-26.
- 15 Kamarulnizam Abdullah and Shawaluddin W. Hassan. 2002 "The Security Implications of Illegal Immigrants in Sabah". *SSIR Occasional Paper*. Bangi: UKM; T. Bahrin & Sothi S. Rachagan. 1984. "The Status of Displaced Filipinos in Sabah: Some policy Consideration and Their Longer-Term Implications", dalam L. J. Jock & Vani S. (Eds.). *Armed Separatism in Southeast Asia*, Hong Kong: ISEAS; Maruja M. B. Asis. 2005. "The Filipinos in Sabah: Unauthorised, unwanted and unprotected" dalam Santosh Jatrana *et. al.* (Eds.), *Migration and Health in Asia*, London, Routledge, hlm. 116-140; Sothi S. Rachagan. 1987. "Refugees and Illegal Immigrants: The Malaysian Experience with Filipino and Vietnamese Refugees", in John R. Rogge (Ed.), *Refugees: A Third World Dimension*, London: Rowman Littlefield, hlm. 235-268 Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2013. *Pendatang dan Keselamatan di Sabah*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- 16 Wan Shawaluddin Wan Hassan & Zaini Othman, "Ketidakstabilan Negara Jiran dan Kesannya kepada Keselamatan Malaysia", *Jurnal*

- 17 *Sosio-Humanika*, 2(1), 2009, Mei, 59-74.
- 18 Harun. 2009. hlm. 25-26.
- 19 *Ibid.*, hlm. 26.
- 20 UNCTAD. 1968. Malaysia (Sabah): Trade by principal countries of provenance and destination, *Handbook of Statistics*, New York: United Nations, hlm. 525.
- 21 Wisma Putra. 2014. *Southeast Asia Division*, atas talian <http://www.kln.gov.my>, dilayari pada 15 Februari.
- 22 Abd. Samad and Abu Bakar. 1992. hlm. 556-557.
- 23 *Ibid.*, hlm. 557.
- 24 Untuk lebih lanjut mengenai insiden Corregidor, lihat Abu Bakar. 1984. hlm. 452-468.
- 25 New Strait Times. 2013. "Philippine leaders have, since Marcos, taken the effort to resolve the sovereignty issue, writes Dr Paridah Abd Samad", *New Strait Times*, 7 March.
- 26 Chery Sidharta. 2002. *Peranan Pihak Ketiga Dalam Resolusi Konflik: Kasus Indonesia dan Libya Dalam Penyelesaian Konflik Antara Pemerintah Filipina dan Moro National Liberation Front (MNLF) di Filipina Selatan*, Jakarta: Universitas Indonesia, hlm 43.
- 27 Afghanistan kemudiannya mengundurkan diri.
- 28 *Ibid.*, hlm. 45.
- 29 Pusdiklat Deplu RI, *Masalah Golongan Minoritas Islam di Asia Tenggara*, t.th hlm. 21.
- 30 R. J. May. 2002. "The Moro Conflict and the Philippine Experience with Muslim Autonomy", CCPCSAP Workshop, Canberra, September.
- 31 Surwandano. 2011. *Kegagalan Regime Negosiasi Final Peace Agreement 1996 Dalam Perlembangaan Penyelesaian Konflik Mindanao*. Jakarta: Universitas Gajah Madah, hlm. 9.
- 32 Lela G. Nobel. 1981. "Muslim Separatism in the Philippines 1972-1982: The Making of the Stalemate", *Asian Survey*, 12(11), hlm. 1100.
- 33 Sidharta, hlm. 69-70.
- 34 *Ibid.* hlm. 77.
- 35 Lihat Rachagan. 1987. hlm. 235-268.
- 36 Erni Budiwanti. 2003. Tantangan Pembangunan Negara Bangsa di Filipina: Gerakan Separatisme MORO, *Seminar Refleksi Akhir*, Widya Graha LIPI, 22 Desember 2003, hlm. 82.
- 37 *Ibid.*, hlm. 83.
- 38 Hubungan Muslim-Kristian ini sebenarnya telah bergolak sejak era penjajahan Sepanyol lagi. Untuk keterangan lanjut lihat Cesar Adib Majul. 1988. *Islam di Filipina*. Kuala Lumpur: DBP.
- Selain itu, terdapat beberapa insiden lain permusuhan antara Islam-

- Kristian antaranya ialah isu 'Toothpick' pada 1970, isu Ampatuans pada 1971, isu pertempuran Buludan pada Ogos 1971 dan beberapa isu lain. Lihat Thomas M. McKenna. 1998. *Muslim Rulers and Rebels: Everyday Politics and Armed Separatism in the Southern Philippines*, Berkeley: University of California Press, hlm. 150-154.
- 39 Choi, hlm. 15; Malcolm Cook dan Kit Collier. 2006. *Mindanao a Gamble Worth Talking*, Australia: Lowy Institute for International policy, hlm. 13. Perkara ini juga telah disahkan oleh seorang informan yang ditemui penulis di Kota Kinabalu pada 20 Februari 2010.
- 40 Bruce Ross-Larson. 1976. *The Politics of Federalism: Syed Kechik in East Malaysia*, Singapore: Singapore University Press.
- 41 Untuk keterangan lanjut, lihat Jubair.
- 42 Misuari telah ditahan di St. Rosa Laguna tetapi kemudiannya telah dibebaskan pada 2011 setelah mahkamah gagal mensabitkan beliau dengan tuduhan melakukan keganasan.
- 43 Mohd. Nasran berhujah bahawa tidak terdapat perkaitan antara tuntutan Sabah dengan kehadiran pendatang/pelarian di Sabah. Mohd. Nasran Mohamad. 2006. "Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara dan kaitannya dengan kebanjiran pendatang islam Filipina", kertas kerja dibentangkan di persidangan Kebangsaan Sejarah Sabah dan Sarawak, 17-18 Mei.
- 44 Untuk keterangan lanjut sila lihat Mohammad Raduan Mohd Ariff. 1995. *Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Undang: Kajian mengenai Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-90*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- 45 Abdullah & W. Hassan. 2002. hlm. 2-3.
- 46 *Ibid.*
- 47 Abdulsiddik A. Abbahil. 1984. "The Bangsa Moro: Their self image and Inter-group Ethnic Attitude", *Dansalan Quarterly*, 5(4), hlm. 202.
- 48 Lihat Azizah Kassim, Fazli Abdul Hamid Ramli Dollah. 2004. "Program Pengampunan 2004: Tinjauan di Sabah", bengkel tertutup *Cross-Border Migration: Developing Policy Recommendations for Sabah*, UPEP, SSS, UMS, 29 Disember.
- 49 *New Strait Times*, 28 Oktober 1996 dan Karim Ghani, *Dewan Negara*, 12 November 2003.
- 50 Najib. 2012, dipetik dari *The Malaysian Insider*, 13 Oktober
- 51 Azman Abas. 2013. "Proses Perdamaian Selatan Filipina Mampu Tangani Masalah Kebanjiran PATI di Sabah", atas talian [www.umno-online.my/?p=69915](http://www.umno-online.my/?p=69915), dilayari pada 2 Julai.
- 52 Najib. 2012. dipetik dari *The Malaysian Insider*, 21 Oktober.
- 53 *Ibid.*
- 54 Utusan. 2012. "Kerajaan Filipina Dan MILF Meterai Perjanjian



- Damai Bersejarah”, *Utusan*, 15 Oktober.
- 55 *International Monitoring Team (IMT)–Mindanao*, 2012, atas talian <http://imtmindanao.org>, dilayari pada Oktober.
- 56 Razak Ahmad. 2012 “A new beginning for Mindanao”, *mStar*, 16 Oktober.
- 57 Buletin TV3. 2012, 17 Oktober.
- 58 *Ibid.*
- 59 Borneo Insider. 2014. “Perjanjian terbaru Filipina-MILF bakal wujud keamanan di ESSZONE”, *Borneoinsider*, 29 Mac; dan, ESSCOM Times. 2014. “Perjanjian Komprehensif Bangsamoro Bakal Menyumbang Keamanan Di Esszone — Mohammad”, *ESSCOM Times*, 28 Mac.
- 60 New Strait Time. 2014. “Bangsamoro peace agreement proves Malaysia a good negotiator”, *New Strait Times*, 27 March.
- 61 Daily Express. 2014 “CM hails peace deal”, *Daily Express (Sabah)*, 30 March.
- 62 The Guardian. 2014. “Philippines signs long-awaited peace deal with Muslim rebels”, *The Guardian*, 27 March; dan, Razak Ahmad. 2012. Manila-MILF peace deal inked, *The Star*, 28 Mac.
- 63 Razak Ahmad. 2012. “A new beginning for Mindanao”, *mStar*, 16 Oktober.
- 64 Murad Ibrahim. 2012. *Speech of Chairman of the Moro Islamic Liberation Front: During the signing of the Framework of Agreement on the Bangsamoro*, Delivered at Malacañan Palace, Manila, on October 15.
- 65 *Ibid.*
- 66 Lihat Memorandum of Agreement on Ancestral Domain, July, 2008.
- 67 Timothy Williams. 2010. The MoA-AD Debacle – An Analysis of Individuals, Voices, Provincial Propaganda and National Disinterest, *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 29(1), hlm. 121-144.
- 68 Malangnya, beberapa bulan selepas itu, Manila mendapati bahawa terdapat beberapa orang pemimpin MILF berusaha menjalankan kempen offensif ke atas kerajaan. Keadaan ini menyebabkan Angkatan Tentera Filipina bertindak menghantar lebih 6,000 orang tentera ke Mindanao di bawah Lt. Gen. Cardozo Luna. Akibatnya, pertempuran telah meletus antara kedua-dua belah pihak menyebabkan lebih kurang 600,000 orang melarikan diri dan lebih daripada 300 orang hilang nyawa.
- 69 Mindanews. 2009. “Young Moro group appeals to public: Open your hearts to the Moro grievance”, *Mindanews*, 25 August.
- 70 The Philippines Government. 2014. *Comprehensive Agreement on the Bangsamoro*, atas talian <http://www.opapp.gov.ph>, dilayari pada



28 Mac 2014, hlm. 36.

71 The Philippines Government. 2014, hlm. 36.

72 *Ibid.*, hlm 34.

73 *Ibid.*

## Rujukan

- “Tun Mahathir: Asians too prefer security”. 2008. [www.perdana4peace.org](http://www.perdana4peace.org) [23 April]
- Abas, A., 2013. Proses Perdamaian Selatan Filipina Mampu Tangani Masalah Kebanjiran PATI di Sabah. *UMNO Online*, [www.umno-online.my/?p=69915](http://www.umno-online.my/?p=69915) [2 Julai]
- Abbahil, A. A.. 1984. “The Bangsamoro: Their self image and Inter-group Ethnic Attitude”. *Dansalan Quarterly*, 5(4), hlm. 202.
- Abd. Samad, P., and Abu Bakar, D., 1992. “Malaysia-Philippines Relations: The Issue of Sabah”. *Asian Survey*. 32(6), 556-557.
- Abdullah, K., and W. Hassan, W. S., 2002. *The Security Implications of Illegal Immigrants in Sabah*. SSIR Program Occasional Paper, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2-3.
- Abu Bakar, M., 1984. “Corregidor: A Study in Malaysian-Philippine Crisis Politics” dalam Muhammad Abu Bakar *et.al.* (eds.). *Historia: Essays in Commemoration of the 25th Anniversary of the Department of History*. University of Malaya, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ahmad, R., 2012. A new beginning for Mindanao. *mStar*. 16 Oktober.
- Ahmad, R., 2012. A new beginning for Mindanao. *mStar*. 16 Oktober.
- Ahmad, R., 2014. Manila-MILF peace deal inked. *The Star*. 28 Mac.
- Asis, M. M.B., 2005. ‘The Filipinos in Sabah: Unauthorised, unwanted and unprotected’ dalam Santosh Jatrana; Mika Toyota; Brenda S. A. Yeoh (Eds.), *Migration and Health in Asia*, London, Routledge.
- Bahrin, T. S & Rachagan, S. S. 1984. “The Status of Displaced Filipinos in Sabah: Some policy Consideration and Their Longer-Term Implications”, dalam L. J. Jock & Vani S. (Eds.). *Armed Separatism in Southeast Asia*, Hong Kong: Institute of Southeast Asian Studies.
- Booth, K. (1985) ‘The case for non-nuclear defence’, in John Roper (Ed.) *The Future of British Defence Policy*, Aldershot: Gower.
- Borneo Insider, 2014. “Perjanjian terbaru Filipina-MILF bakal wujud keamanan di ESSZONE”. *Borneo Insider*, 29 Mac.
- Budiwanti, E., 2003. “Tantangan Pembangunan Negara Bangsa di Filipina: Gerakan Separatisme MORO”. *Seminar Refleksi Akhir*. Widya Graha LIPI.
- Cook, M., dan Collier, K., 2006. *Mindanao a Gamble Worth Talking*, Australia: Lowy Institute for International policy

- Daily Express. 2014. "CM hails peace deal". *Daily Express (Sabah)*. 30 March.
- Deed, S., 2011. Malaysian maverick' wows audience in Yangon. *Myanmar Times*. 13 Julai.
- Dollah, R. et. al. 2008. "Organisasi Antarabangsa dan Keselamatan Serantau: Pengalaman Asia Tenggara, Model Kepada Asia Timur". *Jurnal Pemikir*. 52. 1-30.
- ESSCOM Times, 2014. "Perjanjian Komprehensif Bangsamoro Bakal Menyumbang Keamanan Di Esszone — Mohammad", *ESSCOM Times*. 28 Mac.
- Ghani, K. 2003. *Dewan Negara*. 12 November.
- Harun, R. 2009. "Peningkatan keselamatan bersama melalui kerjasama dua hala Malaysia dan negara-negara jiran". *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. 36, 25-26.
- Ibrahim, M., 2012. *Speech of Chairman of the Moro Islamic Liberation Front: During the signing of the Framework of Agreement on the Bangsamoro*. Malacañan Palace, Manila.
- International Monitoring Team (IMT). 2012. *Mindanao*. <http://imtmindanao.org> [Oktober 2012]
- Jihoon P., C. 2009. *Southern Philippines And The Policy Of The Second Front In The Global War On Terrorism*. California: Monterey.
- Jubair, S., 1999. *Bangsamoro: A Nation Under Endless Tyranny*, (3rd Ed.) KL: IQ Marina
- Kassim, A. at. al, 2004. "Program Pengampunan 2004: Tinjauan di Sabah", bengkel tertutup *Cross-Border Migration: Developing Policy Recommendations for Sabah*. Unit Etnografi dan Pembangunan, SSS, UMS.
- Kementerian Luar Negeri, 2014. Southeast Asia Division. <http://www.kln.gov.my> [15 Februari]
- Leifer, M., 1968. 'The Philippines and Sabah irredenta', *World Today*, Vol. 24
- Majul, C. A., (terjemahan Shamsuddin Jaapar). 1988. *Islam di Filipina*. KL: DBP.
- May, R. J., 2002. The Moro Conflict and the Philippine Experience with Muslim Autonomy. Kertas kerja dibentangkan di *CCPCSAP Workshop*. Canberra.
- McKenna, T. M.. 1998. *Muslim Rulers and Rebels: Everyday Politics and Armed Separatism in the Southern Philippines*. Berkeley: University of California Press.
- Mindanews. 2009. Young Moro group appeals to public: Open your hearts to the Moro grievance. *Mindanews* [25 August]
- Mohamad, M., 1997. "The challenges and opportunities we face". *Executive Intelligence Review (EIR)*, 24 (40),
- Mohd Ariff, M. R., 1995. *Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Undang*.

KL: UM Press.

- Møller, B., 1996. "Common Security and Non-Offensive Defence As Guidelines For Defence Planning and Arms Control?", *The International Journal of Peace Studies*, 1(2), July, <http://www.gmu.edu>
- New Strait Times, 2013. "Philippine leaders have, since Marcos, taken the effort to resolve the sovereignty issue, writes Dr Paridah Abd Samad", *New Strait Times*, 7 March.
- New Strait Times, 2014. "Bangsamoro peace agreement proves Malaysia a good negotiator". *New Strait Times*. 27 March.
- New Strait Times. 1998. "Adopt prosper-thy-neighbour policy, says PM". *New Strait Times* [13 Januari]
- Nik Mahmud, N. A., 1999. *Tuntutan Filipina ke atas Boreno Utara*, Bangi: UKM
- Nisperos, N. M., 1969. *Philippines Foreign Policy on the North Borneo Question*, (University of Pittsburgh, PhD Thesis);
- Noble, L.. 1977. *Philippine Policy toward Sabah*, Tucson: University of Arizona
- Noble, L.. 1981. "Muslim Separatism in the Philippines 1972-1982: The Making of the Stalemate", *Asian Survey*, 12(11)
- Nolan, J. E. et. al. 1994. "The Concept of Cooperative Security" dalam Janne E. Nolan (Ed.) *Global Engagement: Cooperation and Security in the 21st Century*, Washington: Brookings.
- Othman, M. A. 1988. *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah*, Kuala Lumpur, DBP
- Ott, M., 1971. *The sources and content of Malaysian Foreign Policy towards Indonesia and the Philippines: 1957-1965* (The Johns Hopkins University, PhD Dissertation);
- Rachagan, S. S., "Refugees and Illegal Immigrants: The Malaysian Experience with Filipino and Vietnamese Refugees" dalam John R. Rogge (ed.). 1987. *Refugees: A Third World Dimension*, Rowman: Littlefield.
- Ross-Larson, B., 1976. *The Politics of Federalism: Syed Kechik in East Malaysia*, Singapore: Singapore University Press.
- Shafie, M. G. 1982. *Malaysia: International relations*, KL: Creative Entertainment
- Sidharta, C., 2002. *Peran Pihak Ketiga Dalam Resolusi Konflik: Kasus Indonesia dan Libya Dalam Penyelesaian Konflik Antara Pemerintah Filipina dan Moro National Liberation Front (MNLF) di Filipina Selatan*. Jakarta: Universitas Indonesia.
- Smoke, R., 1991. "A theory of mutual security" dalam Richard Smoke & Andrei Kortunov (Eds.), *Mutual Security*, New York: St. Martin's Press
- Surwandano. 2011. *Kegagalan Regime Negosiasi Final Peace Agreement*

- 1996 *Dalam Perlembangaan Penyelesaian Konflik Mindanao*. Jakarta: Universitas Gajah Madah.
- The Guardian. 2014. "Philippines signs long-awaited peace deal with Muslim rebels". *The Guardian*. 27 March.
- The Philippines Government. 2014. Comprehensive Agreement on the Bangsamoro. <http://www.oppapp.gov.ph> [28 Mac]
- UNCTAD, 1968. "Malaysia (Sabah): Trade by principal countries of provenance and destination". *Handbook of Statistics*. New York: United Nations.
- Utusan. 2012. "Kerajaan Filipina Dan MILF Meterai Perjanjian Damai Bersejarah". *Utusan*. 15 Oktober.
- Wan Hassan, W. S. & Dollah, R. 2013. *Pendatang dan Keselamatan di Sabah*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Williams, T., 2010. "The MoA-AD Debacle – An Analysis of Individuals, Voices, Provincial Propaganda and National Disinterest". *Journal of Current Southeast Asian Affairs*. 29(1). hlm. 121-144.
- Wisma Putra, 2014. "Formulation of Foreign Policy". *Wisma Putra*. <http://www.kln.gov.my>, [20 Februari]
- Yean, T. S. & Teng, K. K. 2007. "Prosper-Thy- Neighbour Policies: Malaysia's Contributions after the Asian Financial Crisis". *ASEAN Economic Bulletin*. 24(1), 72-97.
- Yunus, A. and Mohd Khalil, N. I., 2013. "Prosper thy neighbour". *New Strait Times*, 5 March.

## Penghargaan

Artikel ini adalah berdasarkan geran penyelidikan ERGS (ERGS0018-PK-1/2012) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bertajuk 'Masyarakat Sempadan dan Keselamatan Nasional'. Penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada editor jurnal *Jebat* dan dua orang penilai yang banyak memberikan komen berguna dalam memperbaiki mutu artikel ini.

## Nota Biografi

Ramli Dollah ([ramlid@ums.edu.my](mailto:ramlid@ums.edu.my)) merupakan pensyarah di program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Berkelulusan Sarjana dalam Strategik dan Pertahanan dari Universiti Malaya.

Eko Prayitno Joko ([arah.tuju@yahoo.com](mailto:arah.tuju@yahoo.com)) merupakan pensyarah di program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Berkelulusan Sarjana dalam Sejarah dari Universiti Malaysia Sabah.